From: Jabatan Komunikasi Korporat
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: MATH MARVELS PERKASA PdP MATEMATIK LUAR BANDAR, LABUHKAN TIRAI DENGAN KEJAYAAN CERMERLANG
Date: Wednesday, 23 September, 2026 11:27:52 AM
Attachments: image001.png
image009.png

Jabatan Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION DEPARTMENT
Universiti Utara Malaysia

UUM TODAY

UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA | THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY

23 SEPTEMBER 2026 / 11 RABIULAKHIR 1448H
==========

Berita oleh: Dr. Nurul Atiqah bt Talib
Gambar oleh: Nur Syafiqah Faidzul Hassan

MATH MARVELS PERKASA PdP MATEMATIK LUAR BANDAR, LABUHKAN TIRAI DENGAN KEJAYAAN CERMERLANG



UUM ONLINE: Projek inovasi sosial 'Math Marvels: Jelajah Matematik Harian Melalui Modul Interaktif' secara rasminya melabuhkan tirai menerusi Majlis Penutupan Projek yang telah diadakan pada 21 September 2026. Majlis ini dianjurkan sebagai platform untuk membentangkan hasil dan dapatan kajian impak projek kepada pihak pengurusan sekolah, di samping merakamkan penghargaan atas kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh ketiga-tiga sekolah sepanjang pelaksanaan projek.

Majlis penutupan tersebut turut dihadiri oleh Dekan Pusat Pengajian Pendidikan (SoE), PM Dr. Mohamad Khairi Hj Othman, yang hadir memberikan sokongan terhadap pelaksanaan projek dan usaha memperkukuh inovasi dalam pengajaran dan pembelajaran Matematik.



Turut hadir ialah barisan Guru Besar serta guru Matematik Tahun 4 yang terlibat dari Sekolah Kebangsaan (SK) Hakim Teh, SK Hosba dan SK Bandar Bukit Kayu Hitam. Wakil daripada Pusat Kerjasama Universiti-Industri (CUIC), UUM, selaku penganjur Skim Geran Inovasi Sosial (SIGS), turut hadir memberikan sokongan terhadap pelaksanaan dan kelangsungan projek tersebut.

Projek inovasi ini diketuai oleh Dr. Nurul Atiqah binti Talib dari Pusat Pengajian Pendidikan (SoE), UUM, bersama pasukan penyelidik yang terdiri daripada PM Dr. Siti Nazuar binti Sailin, Dr. Nurul Jawahir binti Md Ali, Dr. Muhammad Asyraf bin Abdul Rahman dan Dr. Marina binti Nazrin.

Projek ini bertujuan memperkasakan pengajaran dan pembelajaran (PdP) Matematik melalui pendekatan penyelesaian masalah (*problem-solving approach*) yang mengintegrasikan elemen inkuiri dan pemikiran kritis, serta disesuaikan dengan konteks kehidupan harian murid di sekolah luar bandar.

Hasil penilaian menunjukkan impak yang membanggakan apabila markah min ujian pra dan ujian pasca bagi kumpulan murid yang menerima intervensi (75 orang) meningkat daripada 30.2% kepada 56.19%, iaitu peningkatan sebanyak 25.98%, jauh melangkaui peningkatan kumpulan kawalan yang hanya mencatatkan 17.42%.





Selain peningkatan pencapaian akademik, analisis terhadap aspek sikap turut menunjukkan perkembangan positif apabila murid menunjukkan peningkatan dari segi keseronokan dan keyakinan dalam pembelajaran Matematik, serta keupayaan mengaplikasikan konsep Matematik dalam situasi kehidupan seharian. Analisis temu bual bersama guru turut mencatatkan pencapaian objektif kajian pada tahap 83.3 peratus.

Pihak penyelidik UUM merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Kedah, Pejabat Pendidikan Daerah (PPD) Kubang Pasu, CUIC UUM, serta pihak pengurusan dan guru Matematik dari ketiga-tiga sekolah atas komitmen, kerjasama dan sokongan yang diberikan sepanjang pelaksanaan projek.

Kerjasama erat antara pihak universiti, sekolah dan agensi pendidikan ini menjadi pemangkin kepada usaha memperkukuh pembelajaran Matematik yang kontekstual, bermakna dan dekat dengan kehidupan murid, khususnya dalam konteks pendidikan luar bandar.

ZMS/JKK/2026

UUM OFFICIAL
uumtoday.com Universiti Utara Malaysia uumofficial uumnews uumtube uuminfo uumofficial
ukkuum@uum.edu.my 04-928 3039 | 3040 | 3043 | 3097 | 3056

Universiti Utara Malaysia Official Website http://www.uum.edu.my

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.